

<b>Headline</b>	<b>TNB terima anugerah Brand of The Year</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>10 Nov 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Page No</b>	<b>41</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>156 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 7,983</b>		



## TNB terima anugerah Brand of The Year



Roslan menerima anugerah daripada Richard Rowles di Kensington Palace, London.

TENAGA Nasional Bhd (TNB) baru-baru ini berjaya merangkul anugerah 'Brand of the Year' untuk tahun 2018-2019 di World Branding Awards bagi kali kedua selepas memenanginya pada 2014.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab Rahman menerima anugerah tersebut daripada Pengurus Forum Penjenamaan Dunia, Richard Rowles di Kensington Palace, London.

Beliau memberitahu, anugerah tersebut adalah bukti dedikasi dan komitmen 35,000 pekerja TNB yang bekerja keras dalam membina dan mengembangkan jenama

mereka.

"Ia menjadi satu cabaran dan kepuasan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada 9.4 juta pelanggan kami.

"Anugerah ini akan mendorong kami bekerja lebih keras untuk mengukuhkan TNB melalui penyediaan perkhidmatan pelanggan dan jenama terbaik," katanya.

Pemenang anugerah dihakimi melalui tiga sisi iaitu penilaian jenama, penyelidikan pasaran pengguna dan pengundian dalam talian awam.

70 peratus daripada pemarkahan datang daripada undi pengguna.